NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
October 2018:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*

# *Majlis Anugerah* PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017 *dan Penghargaan* KAKITANGAN NIOSH



# Teks Ucapan

**SEMPENA**

# *Majlis Anugerah* PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017 *dan Penghargaan* KAKITANGAN NIOSH



Saya ingin mengucapkan tahniah kepada 16 kakitangan yang bakal menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dan penuh dedikasi serta integriti.

Ia seharusnya menjadi dorongan kepada warga NIOSH yang lain agar berusaha untuk mencapai kecemerlangan dengan memberikan perkhidmatan terbaik bukan sahaja untuk NIOSH tetapi juga kepada para pelanggan dan agensi yang berurusan dengan NIOSH.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada mereka yang bakal menerima penghargaan kerana telah berkhidmat selama 25 tahun, 20 tahun dan juga 10 tahun manakala seorang lagi kakitangan yang akan bersara wajib.

## PRESTASI NIOSH

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah NIOSH, saya amat berpuas hati dengan prestasi NIOSH pada tahun lepas (2017). Pelan pembangunan berterusan dan perbelanjaan berhemah membolehkan kita mengharungi tahun kewangan yang agak mencabar ekoran ekonomi dunia yang belum pulih sepenuhnya.

Saya difahamkan bilangan program latihan NIOSH telah meningkat sebanyak 13% manakala jumlah peserta kursus pula turut bertambah sebanyak 15% sepanjang tahun 2017.

Kita juga berjaya memperluaskan akses kepada majikan dan pekerja dengan pembukaan 4 buah lagi pejabat satelit baharu di Manjung (Perak), Tawau (Sabah), Pengerang (Johor) dan Serian (Sarawak). Ia meningkatkan jumlah keseluruhan pejabat wilayah dan satelit NIOSH kepada 16.

NIOSH turut memperolehi pensijilan kualiti ISO 9001:2015 daripada Intertek Certification International Sdn Bhd untuk ibu pejabat dan 11 cawangannya di seluruh negara.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS : MS1722:2011 & OHSAS 18001:2007) pula telah dilaksanakan di ibu pejabat dan 5 pejabat wilayah di seluruh negara.

Sekalung tahniah harus diberikan kepada barisan pengurusan kerana berjaya mengemudi NIOSH melepasi tahun 2017 dengan sokongan pelbagai pihak termasuk Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi di bawahnya.

## WARGA KERJA ASET NIOSH

Sementara kita meraikan mereka yang menerima anugerah pada pagi ini, saya juga ingin mengingatkan semua pihak bahwa kecemerlangan tidak akan dicapai jika kita tidak mendapat sokongan daripada setiap warga kerja NIOSH.

Sesungguhnya setiap warga kerja, tidak kira pangkat atau kedudukan mereka, mempunyai peranan penting untuk memastikan NIOSH mampu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.



Saya amat berharap pihak pengurusan NIOSH menganggap warga kerja yang ada ini sebagai aset dan bukannya liabiliti atau bebanan.

Oleh itu, kita perlu sentiasa menjaga kebajikan warga kerja NIOSH selaras dengan hasrat Kementerian Sumber Manusia dan kerajaan untuk menyediakan tempat kerja yang kondusif dan selamat.

Pada masa yang sama, sebagai warga kerja NIOSH kita perlu menjalankan tugas dengan ikhlas, jujur dan penuh integriti kerana setiap apa yang dilakukan akan memberi kesan kepada organisasi tempat kita bekerja.

Hubungan baik antara majikan dan pekerja perlu dipertingkatkan agar kedua-dua pihak memahami kehendak dan masalah yang dihadapi agar dapat ditangani bersama-sama.

NIOSH juga telah mencipta sejarah apabila kesemua jawatan tertinggi termasuk Pengarah Eksekutif kini dipegang oleh warga NIOSH sendiri. Kita harus bersyukur dengan kepercayaan yang diberikan KSM kepada Encik Ayop Salleh dan saya percaya beliau menerima sokongan penuh daripada warga NIOSH untuk melaksanakan agenda pembangunan dan penambahbaikan yang dirancang.

Saya juga ingin mencadangkan supaya premis NIOSH dijadikan kawasan bebas asap rokok, sesuai dengan fungsi NIOSH sebagai agensi yang mempromosi persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

## CABARAN-CABARAN MENDATANG

Negara kita masih dalam proses pemulihan ekonomi ekoran pertukaran kerajaan serta iklim ekonomi dunia yang masih tidak menentu.

Justeru, NIOSH juga perlu menyesuaikan diri dan bersedia untuk membuat perubahan agar terus kekal signifkan dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan OSH dan sentiasa menjadi pilihan utama industri dan pihak-pihak lain.

NIOSH perlu berusaha untuk tidak lagi berharap kepada tongkat yang disediakan oleh pihak kerajaan kerana ia bukan bantuan yang berkekalan menjadi hak kita.

Kita mesti memberikan perkhidmatan terbaik serta saling bantu membantu agar mampu bersaing secara sihat dengan mereka di luar sana.

Namun, kita juga perlu sematkan di hati bahawa “Langit Tidak Selalu Cerah” dan oleh itu kita perlu sentiasa “Sediakan Payung Sebelum Hujan”. Ini bagi memastikan kita mampu berhadapan dengan pelbagai cabaran jika ada keputusan yang dibuat kerajaan akan turut memberi kesan kepada NIOSH

Sebagai Pengerusi NIOSH, usaha saya untuk mempromosi perkhidmatan NIOSH di pelbagai kementerian, kerajaan-kerajaan negeri, agensi pusat dan negeri serta pihak swasta sudah tentu tidak akan mendatangkan sebarang hasil jika warga NIOSH tidak memberikan sokongan dan berusaha untuk menjayakannya.

Saya amat berharap warga NIOSH tidak membuat kerja sambil lewa bak kata pepatah “Sekadar Melepaskan Batuk di Tangga”.

Perkara ini amat penting kerana nama NIOSH kini telah meniti di bibir-bibir pemimpin dan rakyat Malaysia dan seringkali disebut dan dijemput untuk menyertai pelbagai jawatankuasa berkaitan keselamatan dan kesihatan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak pengurusan dan warga kerja NIOSH kerana berjaya menjadikan NIOSH pusat kecemerlangan OSH yang dikenali di dalam dan luar negara.

Kejayaan ini amat bermakna apatah lagi kita sedang meraikan Ulangtahun ke-25 NIOSH.

Di kesempatan ini juga saya ingin menasihatkan semua warga NIOSH agar mengamalkan budaya OSH yang baik kerana kita adalah penanda aras untuk pengamal OSH di seluruh negara.

*I would also like to advise NIOSH management team and all staff to improve their English proficiency in order for us to remain ahead of the pack.*

*Having a good grasp of English is important for us since many of our clients, especially multinational companies, prefer to use the world’s lingua franca.*

*English is also the language of science and technology. Most of OSH researches and information are written in English, either in printed media or online.*

*NIOSH must also encourage its staff to master a third language such as Mandarin or Arabic as it could help us to collaborate or expand our services in other countries.*

## PENUTUP

Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penerima anugerah dan berharap majlis pada hari ini akan menjadi pembakar semangat untuk warga NIOSH yang lain berkerja dengan cemerlang.

Saya dengan ini merasmikan MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017 DAN PENGHARGAAN KAKITANGAN NIOSH.

Sekian terima kasih

**TAN SRI LEE LAM THYE**
Pengerusi NIOSH

# 'HOW TO BE A SUPERB OSH LEADER':

## BUKU TERBARU TERBITAN NIOSH MALAYSIA!








Pada 25 September 2018, bersempena dengan COSH 2018 yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), buku panduan 'HOW TO BE A SUPERB OSH LEADER' telah dilancar oleh YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH. Buku panduan ini telah ditulis dan diolah oleh dua orang pengamal KKP iaitu Allahyarham Ir. Haji Hussein bin Rahmat (Pakar Penyelidik Luar) dan Haji Mohd Esa bin Baruji (Pakar Teknikal KKP Kanan) NIOSH. Ia merupakan buku hasil daripada Kajian Pembangunan Rancangan Penambahbaikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Bagi Memperkasakan Peranan Majikan Utama Dalam Pelaksanaan KKP Di Malaysia (#PE-MPC). Kandungan buku ini mengandungi perkongsian tips dan panduan bagi majikan yang ingin mengetahui apakah kepentingan dan tanggungjawab yang perlu ada bagi menjadi pemimpin yang berwibawa terutamanya di dalam bidang KKP. Buku ini juga telah didaftarkan dengan Perpustakaan Negara dengan nombor pendaftaran ISBN NO 978-967-15635-5-7. Enam (6) topik utama yang terdapat di dalam buku ini adalah:

1) *OSH Culture;*
2) *OSH leadership;*
3) *Elements in OSH leadership*;
4) *Benefits of Effective OSH leadership*;
5) *Do's and Don'ts in OSH leadership*; dan
6) *Summary of successful OSH leadership*.

"Kepimpinan yang berkesan diperlukan untuk menghasilkan pengurusan OSH yang lebih baik, peningkatan produktiviti dan peningkatan prestasi. Sebagai agen penambahbaikan budaya OSH, majikan utama harus terlebih dahulu memberi perhatian kepada tingkah laku mereka sendiri sebelum memberi tumpuan kepada para pekerja. Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk membangunkan keselamatan sebagai budaya dalam organisasi mereka melebihi hanya sekadar keutamaan. Majikan harus memiliki kepemimpinan OSH kerana mereka adalah orang utama di tempat kerja yang bertanggungjawab dalam memperbaiki keadaan kerja dan dengan demikian, mempengaruhi keselamatan dan kesihatan bagi para pekerja mereka", antara ucapan YBhg Tan Sri Lee Lam Thye semasa melancarkan buku tersebut.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif NIOSH, En. Ayop Salleh dalam kata pengantar buku ini menyatakan bahawa ia merupakan rujukan yang baik untuk majikan di pelbagai industri di Malaysia yang berminat melaksanakan amalan OSH terbaik di tempat kerja mereka. Di samping itu juga, penerbitan ini adalah sejajar dengan peranan NIOSH yang menyediakan latihan, perundingan, penyebaran maklumat dan perkhidmatan penyelidikan serta pembangunan. Penerbitan maklumat OSH adalah salah satu fungsi NIOSH dan objektif utama buku panduan ini adalah untuk menggalakkan majikan untuk memiliki dan mengamalkan kepimpinan OSH yang cemerlang di tempat kerja mereka supaya kemalangan sifar dapat dicapai sementara produktiviti dapat ditingkatkan. Tambahan pula, penerbitan ini juga bertujuan untuk




*Rajah 2: Gambar Muka Depan, Tandatangan Pengerusi NIOSH dan Nombor Terbitan*

mewujudkan kesedaran OSH di kalangan pengurusan atasan dan bagaimana mereka dapat melaksanakan amalan OSH terbaik dalam organisasi mereka. Inilah cara untuk Malaysia menjadi negara maju dengan warga yang sihat yang boleh bekerja dalam persekitaran yang selamat dan kondusif. Setelah selesai majlis pelancaran buku panduan tersebut, majlis diteruskan lagi dengan pemberian 30 naskah buku percuma kepada para peserta yang terpilih. Buku panduan yang diberikan juga turut ditandatangani oleh Ybhg Tan Sri Lee Lam Thye. Syabas NIOSH Malaysia!

(**Perhatian:** Buku ini boleh diperolehi di Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD), Ibupejabat NIOSH atau boleh ditempah melalui atas talian. Sebarang maklumat boleh menghubungi Pn Roslina Md Husin di talian 03-87693879 atau emel roslina@niosh.com.my).

# MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK PUSPANITA 2017 DAN CERAMAH MENGENAI PERANAN KEIBUBAPAAN



Pada 26 Oktober 2018 (Jumaat), Puspanita Cawangan Kementerian Sumber Manusia (KSM) anjuran Biro Pendidikan & Keluarga Bahagia NIOSH telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik 2017 dan Ceramah "Peranan Ibu Bapa Untuk Membentuk Sahsiah Yang Cemerlang Dalam Diri Anak" bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Putrajaya.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik yang diadakan itu bagi meraikan anak-anak ahli PUSPANITA yang memperolehi keputusan cemerlang pada tahun 2017. Anugerah Kecemerlangan Akademik 2017 merupakan salah satu acara tahunan yang dianjur bagi meraikan anak-anak ahli PUSPANITA Cawangan KSM yang cemerlang di dalam keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Anugerah ini diadakan bagi memberi semangat dan meningkatkan motivasi kepada anak-anak ahli untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi seiring dengan hasrat negara bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi. Anugerah Kecemerlangan Akadamik tersebut disampaikan oleh YBhg. Dato' Amir Bin Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Sumber Manusia.

Ceramah mengenai "Peranan Ibu Bapa Untuk Membentuk Sahsiah Yang Cemerlang Dalam Diri Anak" pula dianjurkan dibawah Biro Pendidikan & Keluarga Bahagia, PUSPANITA Cawangan KSM sebagai salah satu program pendidikan di mana ibu bapa merupakan orang yang memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan anak. Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka sebagai individu yang bertanggungjawab mendidik dan membentuk sahsiah yang cemerlang dan terbilang dalam diri anak.

Kedua-dua program ini secara tidak langsung dapat mewujudkan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan muhibah di kalangan semua ahli dan anak-anak PUSPANITA Cawangan KSM dari pelbagai agensi sekali gus visi dan misi PUSPANITA KSM akan tercapai.

# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN PENGHARGAAN PERKHIDMATAN KAKITANGAN NIOSH

Pada 12 Oktober 2018 (Jumaat), Majlis Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH diadakan secara meriah bagi meraikan sumbangan dan khidmat pekerja kepada syarikat. Majlis bermula 10.00 pagi bertempat di Dewan Sri Cempaka, Menara NIOSH, NIOSH Bandar Baru Bangi. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dan Penghargaan Kakitangan NIOSH dirasmikan oleh Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye pada pagi itu.

Seramai 16 kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dan penuh dedikasi serta integriti. Penerima penghargaan ini ialah yang berkhidmat selama 25 tahun, 20 tahun dan juga 10 tahun manakala seorang lagi kakitangan yang akan bersara wajib.

Tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH bagi tahun 2017. Diharap Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH akan menjadi pembakar semangat untuk warga NIOSH yang lain berkerja dengan lebih cemerlang dan dapat membawa NIOSH ke arah kecemerlangan.



# LAWATAN LUAR NEGARA KE NIOSH

**Pada 3 Oktober 2018 -** NIOSH Malaysia menerima lawatan delegasi daripada Institution of Occupational Safety and Health (IOSH), United Kingdom yang diwakili oleh Puan Gisela Derrick, Global Engagement Adviser dan Alan Stevens, Head of Global Engagement and Partnerships.

**Pada 3 Oktober 2018 -** NIOSH Malaysia menerima lawatan delegasi daripada Russian Presidential Academy of National Economy and Public Administration (RANEPA).

**Pada 4 Oktober 2018 -** NIOSH menerima kunjungan hormat dari Kementerian Tenaga Manusia Singapura, WSH Institute dan WSH Council Singapore.

Tujuan lawatan ini adalah bagi mempelajari dan mengetahui dengan lebih dekat pelaksanaan dasar KKP yng dipraktikkan oleh NIOSH. Delegasi yang tiba di NIOSH disambut oleh pihak pengurusan NIOSH dan diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti, peranan dan tanggungjawab NIOSH sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti latihan, perundingan, penyelidikan dan penyebaran maklumat bagi aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Delegasi ini dibawa meninjau dan melihat secara dekat aktiviti yang dijalankan oleh NIOSH, seperti Pusat Simulasi Ruang terkurung, Klinik Kesihatan Pekerjaan, Makmal-makmal NIOSH dan Bilik-bilik Latihan NIOSH. Diharap dengan lawatan yang singkat ini, NIOSH akan dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan Negara-negara luar di dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di masa akan datang.



